

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

Kurikulum merupakan suatu pengalaman pembelajaran yang disediakan dalam bentuk rancangan pembelajaran (Norlidah Alias, 2010) dan sentiasa mengalami perubahan serta perkembangan sejajar dengan tuntutan semasa (Norlidah Alias, 2010 & Ahmad Subri Shuib, 2009). Menurut Norlidah Alias, Abu Bakar Nordin, Saedah Siraj dan Mohd Nazri Abdul Rahman (2014) kurikulum bukan sahaja sekadar satu label yang merujuk atau menjelaskan tentang satu entiti benda atau perbuatan tetapi merupakan suatu konsep yang telah melalui beberapa tahap transformasi dengan meninggalkan kesan-kesan dalam bentuk idea, model, dan tindakan-tindakan yang dijelmakan dalam projek-projek di sekolah dan di institusi pendidikan lainnya. Manakala di dalam kamus Dewan (2005), kurikulum merupakan suatu skop atau isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sebuah sekolah atau institusi pendidikan. Menurut Smith (2014), kurikulum merupakan suatu perancangan, penyusunan dan penilitian yang ditulis bagi memenuhi keperluan pendidikan individu yang diambil hasil daripada pengalaman murid dan pandangan guru yang berpegalaman. Selain itu, menurut Ahmad Subri Shuib (2009) dan Ahid (2014) kurikulum dilihat sebagai suatu bahan iaitu melalui kegiatan berdasarkan pengalaman murid dan kepakaran guru dalam merangka suatu dokumen bertulis supaya dapat menjadi panduan untuk mencapai matlamat pengajaran.

Pembentukan dan perancangan kurikulum seharusnya mantap serta kukuh supaya setiap fasa dalam pembentukan dan perancangan dilaksanakan secara konsisten dan logikal malahan juga memenuhi keperluan dalam perkembangan individu yang meliputi pengalaman masa silam, pandangan dan perspektif sesuatu dalam hidup dan keinginan serta keperluan pada masa akan datang (Norlidah Alias et. al., 2014). Selain itu, menurut Kelly (2006), kurikulum perlulah lebih lengkap dan menyeluruh serta

mengandungi matlamat, objektf, isi kandungan, proses, sumber dan cara penilaian yang bersesuaian serta mantap. Hal ini menunjukkan bahawa perencanaan kurikulum perlulah mempunyai asas yang teguh supaya perencanaannya bersesuaian dengan keperluan dan perkembangan individu seseorang.

Bahasa isyarat merupakan suatu bentuk komunikasi yang digunakan oleh komuniti pekak (Kincaid, 2012). Penggunaan bahasa isyarat boleh juga digunakan oleh golongan yang mempunyai masalah dalam bertutur, golongan yang tidak boleh mempelajari bahasa melalui pertuturan, dan golongan yang tidak boleh mendengar (Kincaid, 2012). Seperti bahasa yang lain, penggunaan bahasa isyarat memudahkan komunikasi kepada komuniti pekak dan memberi peluang kepada golongan ini meluahkan rasa, pendapat, idea, perasaan dan sebagainya (Kincaid, 2012). Keunikan bahasa isyarat dapat dilihat apabila timbul bentuk atau simbol tangan yang memberi makna sesuatu perkara (Loughran, 2013). Selain itu, bahasa badan dan ekspresi muka menjadi daya tarikan serta intonasi dalam penggunaan bahasa isyarat (Wilbur, 2013).

Ramai pakar bahasa telah menyatakan bahawa bahasa isyarat merupakan suatu bahasa kerana bahasa isyarat mempunyai struktur tatabahasanya yang tersendiri, dan berkembang seperti bahasa yang lain (Haung, 2012). Selain itu, penggunaan bahasa isyarat sangat mudah digunakan dan penyampaiannya adalah terus (Enns & Herman, 2014). Bahasa isyarat juga, menjadikan penggunanya berfikir secara visual kerana corak penyampaiannya adalah lebih ke arah visual dan komunikasinya melibatkan penggunaan mata (Wilbur, 2013).

Komuniti pekak di Malaysia telah menggunakan bahasa isyarat Malaysia BIM atau dikenali juga sebagai MySL merupakan komunikasi utama mereka (Lim, 2006). Walaupun BIM merupakan bahasa utama yang digunakan oleh komuniti pekak tetapi setiap negeri di Malaysia mempunyai dialek bahasa isyarat mereka sendiri. Penggunaan bahasa isyarat yang digunakan di Malaysia berkembang selari dengan perkembangan

dan kemajuan komuniti pekak. Pada 17 November 2007, Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 telah diluluskan secara rasmi oleh Parlimen Malaysia dan mendapat perkenan di Raja pada 9 Januari 2008 sebagai Akta 685, yang menyatakan bahawa Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) diiktiraf sebagai bahasa rasmi orang pekak di negara ini (Mohamed Sazali Shaari, 2004). Sehubungan itu, banyak pertubuhan pekak telah mengadakan kelas bahasa isyarat (Lim, 2006). Hal ini supaya dapat mempromosikan dan memperjuangkan BIM kepada masyarakat (Mohamed Sazali Shaari, 2004). Misalnya, Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) telah mengadakan kelas / kursus bahasa isyarat di seluruh negara sepanjang tahun dan mendapat sambutan yang menggalakkan (Mohamed Sazali Shaari, 2004). Selain itu, MFD telah berusaha membentuk suatu kurikulum pembelajaran asas bahasa Isyarat Malaysia untuk kegunaan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran BIM (Mohamed Sazali Shaari, 2004). Daripada pembentukan kurikulum berkenaan telah terhasilnya sebuah buku panduan Asas Bahasa Isyarat Malaysia sebagai rujukan kepada individu yang ingin membuat rujukan mengenai pembelajaran asas dalam bahasa isyarat (Mohamed Sazali Shaari, 2004).

Golongan pekak sememangnya wajib mempelajari agama. Mereka adalah manusia yang berakal dan wajib menerima dakwah serta mempelajari ilmu agama (Hamdi Ishak, 2010 & Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abd Majid dan Safani Bari, 2010). Golongan pekak juga perlu hidup seperti manusia lain, hidup dalam bermasyarakat dan melakukan ibadah kepada Allah kerana manusia diciptakan adalah untuk beribadat kepadaNya (Hamdi Ishak, 2010).

Allah berfirman yang bermaksud :

*“Tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepadaKu”*

(Surah Az-Zariyat 51 : 56)

Oleh itu, setiap umat Islam termasuk golongan pekak wajib mempelajari Islam terutamanya perkara asas fardhu ain (PAFA) sebagai asas kekuatan dalaman peribadi muslim untuk mengharungi kehidupan yang mendatang (Mohd Huzairi Awang, Hajaratal Bahti Zakaria, Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib & Nabiroh Kassim, 2010).

Menurut Hamdi Ishak (2010) terdapat beberapa cara yang membolehkan golongan pekak menerima maklumat dan berkomunikasi, salah satunya dengan menggunakan bahasa isyarat. Bahasa isyarat merupakan bahasa utama orang pekak (Garberoglio, Gobble, & Cawthon, 2012; & Wilbur, 2013). Melalui bahasa isyarat sesuatu maklumat atau ilmu dapat disampaikan dengan baik kepada golongan pekak (Garberoglio et. al., 2012; Wilbur, 2013; McKee & McKee, 2013; & Haung & Mann, 2014). Selain itu, penggunaan bahasa isyarat dalam pengajaran kepada golongan pekak akan dapat menarik minat mereka untuk mempelajari sesuatu pengajaran dengan lebih baik (Shimer & Barbara, 2008; Dolman & David, 2010; McKee et. al. 2013; & Lieberman, Borovsky, Hatrak, & Mayberry, 2014). Sehubungan itu, penggunaan bahasa isyarat dalam mempelajari agama Islam dapat memberi kesan yang mendalam kepada golongan pekak (Hamdi Ishak, 2010). Perkara ini juga disokong oleh Mohd Huzairi Awang et. al., (2010) bahasa isyarat dapat memudahkan golongan pekak mempelajari PAFA dengan lebih berkesan. Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa penggunaan bahasa isyarat dapat meningkatkan kefahaman dan dapat menarik minat golongan pekak untuk mempelajari agama Islam khususnya pembelajaran PAFA.

Bahasa isyarat merupakan suatu medium komunikasi yang penting kepada golongan pekak dan golongan pekak wajib mempelajari agama Islam terutamanya berkaitan dengan Perkara Asas fardhu Ain (Mohd Huzairi Awang et. al., 2010). Oleh itu, Pada 11 hingga 13 November 2013, sebuah forum antarabangsa orang pekak muslim yang buat julung kali pertamanya diadakan di Doha Qatar. Forum ini telah menghimpunkan orang pekak yang beragama Islam di seluruh dunia bagi membincangkan pelbagai isu yang berkaitan dengan Islam dalam kalangan orang pekak. Antara isu yang diketengahkan dalam forum ini ialah pendidikan agama Islam kepada golongan pekak, pengajaran Al-Quran dan Sunnah kepada golongan pekak, cabaran orang pekak Muslim dan penggunaan teknologi serta perkhidmatan elektronik kepada golongan pekak dalam mendapatkan pendidikan Al-Quran dan Sunnah (Zakarna, Samreen, Eldin & Jasim, 2013). Forum ini juga telah mempromosikan dan menyebarkan kamus bahasa isyarat berkaitan Islam kepada semua tetamu yang hadir. Projek dalam menghasilkan Kamus bahasa Isyarat Islam telah diketuai oleh Ali Sennari dan Naji Zakarna (Zakarna et. al., 2013). Sebanyak 1200 isyarat berkaitan Islam telah diperkenalkan (Zakarna et. al., 2013). Dalam menghasilkan kamus berkenaan pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Qatar telah mengundang lebih 50 daripada negara Arab dan pakar orang pekak sama ada yang pekak atau tipikal untuk membincangkan mengenai bahasa isyarat yang sesuai digunakan dalam agama Islam (Zakarna et. al., 2013). Hasil daripada buku bahasa isyarat yang diperkenalkan di dalam forum berkenaan, menyebabkan orang pekak muslim di seluruh dunia telah bersetuju untuk menggunakan sebahagian isyarat-isyarat di dalam buku berkenaan untuk dijadikan rujukan dalam bahagian isyarat agama Islam (Zakarna et. al., 2013).

Di Malaysia, pengajaran pendidikan Islam kepada golongan pekak terutamanya dalam PAFA masih tidak meluas kerana guru tidak berkemahiran dalam bahasa isyarat

dan tidak berkemahiran dalam menyampaikannya kepada golongan pekak (Hamdi Ishak et. al., 2010; Siti Muhibah Nor, 2010; & Mohd Huzairi Awang et. al., 2010). Perkara ini telah menimbulkan kesedaran kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan untuk menghasilkan suatu modul perkara Asas Fardhu Ain untuk golongan bermasalah pendengaran atau dikenali sebagai Mufid-OKU. Di dalam modul ini terdapat enam tajuk yang berkaitan dengan perkara asas fardhu ain yang meliputi rukun Iman, taharah, wuduk dan solat, puasa, zakat dan haji. Namun, pengkaji telah membuat kajian rintis dengan menemu bual kepada beberapa orang pakar dalam BIM untuk PAFA mengenai modul berkenaan iaitu Azhar Razali, Marzuki Ong Haji Maliki Ong dan Mohd Farid Ramli daripada Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA) Berikut merupakan kenyataan daripada mereka :

*“Modul ini mempunyai sedikit masalah dari aspek kesilapan bahasa isyarat yang salah dan tidak menggunakan kesepakatan pakar BIM dalam menghasilkan modul ini ...”*

(Azhar Razali, Presiden PRISMA)

*“Penggunaan Isyarat dalam modul ini mengelirukan pengguna kerana berlaku kesilapan isyarat. Selain itu, penghasilan modul ini tidak merujuk kepada pihak benar-benar mahir dalam bahasa Isyarat untuk bahagian agama Islam ....”*

(Marzuki Ong Haji Maliki Ong, Timbalan Presiden PRISMA)

*“Pihak kami tidak pernah dijemput untuk menghasilkan modul ini. Perkara ini menyebabkan terdapat beberapa kesilapan dalam penghasilan modul ini iaitu bahasa isyarat yang salah terutamanya isyarat Allah, latar belakang yang kurang sesuai, kesilapan pemakaian jurubahasa isyarat dalam modul ini dan sebagainya...”*

(Mohd Farid Ramli, Setiausaha PRISMA)

Hasil daripada kajian rintis temu bual kepada pakar BIM dan PAFA mendapati bahawa masih terdapat beberapa kelemahan dalam penghasilan modul berkenaan. Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah modul ini tidak menggunakan kesepakatan pakar dalam menghasilkannya (Azhar Razali, Marzuki Ong Haji Maliki Ong & Mohd Farid Ramli, PRISMA). Selain itu, bahasa isyarat yang digunakan dalam modul ini mengandungi kesilapan dan tidak mengikut isyarat agama Islam yang betul (Azhar Razali, Marzuki Ong Haji Maliki Ong & Mohd Farid Ramli, PRISMA).

Justeru, kajian ini adalah suatu usaha bagi mereka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA dengan menggunakan kesepakatan pakar BIM dan PAFA serta menggunakan isyarat agama Islam yang betul dengan menjadikan buku bahasa isyarat Islam daripada Qatar sebagai rujukan utama.

## **Pernyataan Masalah**

Ketinggian martabat seseorang manusia di sisi Allah dinilai bukan daripada pangkat, kedudukan, darjat, keturunan, kemewahan, warna kulit atau rupa paras tetapi martabat seseorang manusia di sisi Allah adalah berdasarkan keimanan dan ketakwaannya (Hamdi Ishak, 2010). Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Sesungguhnya, semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang lebih takwanya d antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”*

(Surah Al-Hujurat 49:13)

Sebagai seorang manusia kita seharusnya berusaha mengabdikan diri kepada Allah dengan melakukan segala perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya (Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen Abd. Hamid, 2009). Seseorang muslim yang beriman seharusnya mendidik diri, keluarga, dan masyarakat supaya dapat memenuhi tuntutan ibadah (Ismail Kamus et. al., 2009 & Azrin Ab. Majid, 2011). Proses pendidikan ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna sekiranya seseorang Muslim itu tidak mempunyai ilmu atau memahami perkara-perkara asas dalam Islam (Ismail Kamus et. al., 2009). Oleh itu, ilmu pengetahuan mengenai perkara asas fardhu ain adalah sangat penting kepada semua manusia dalam membentuk diri seseorang menjadi hamba Allah yang bertakwa (Azrin Ab. Majid, 2011).

Golongan pekak juga merupakan makhluk manusia yang diciptakan oleh Allah dan melaksanakan perintah Allah SWT sama seperti golongan tipikal yang lain ( Hamdi Ishak, 2010). Hal ini kerana, mereka masih mempunyai indera penglihatan yang membolehkan mereka menerima ilmu, maklumat dan pengajaran (Hamdi Ishak, 2010). Ibadah merupakan satu aspek yang penting sebagai seorang Muslim bagi

menghubungkan dirinya dengan Allah SWT, dan mengawal diri yang sentiasa terikat dengan akidahnya (Hamdi Ishak, 2010) sepetimana firman Allah SWT :

*“Dan (ingatlah). Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku”.*

(Surah Az-Zariyat 51 : 56)

Ibadah yang difardhukan oleh Allah SWT dalam Islam bukan sesuatu yang berat sehingga tidak mampu dilakukan oleh manusia (Azrin Ab. Majid, 2011). Perkara ini wajib dilaksanakan mengikut kadar kemampuan masing-masing (Hamdi Ishak, 2010 & Azrin Ab. Majid, 2011).

Bagaimanapun, scara amnya terdapat beberapa isu dalam pengajaran PAFA kepada golongan pekak. Isu yang pertama dapat dilihat daripada kekurangan bahasa isyarat agama (Siti Muhibah Nor, 2010; Hamdi Ishak et. al., 2010; & Huzairi Awang et. al., 2010). Menurut Siti Muhibah Nor (2010) dan Huzairi Awang et. al., (2010), kekurangan simbol isyarat agama Islam menyebabkan kesukaran golongan pekak dan guru yang mengajar untuk berkomunikasi bagi membincangkan perkara yang berkaitan dengan agama. Selain itu, kekurangan isyarat agama Islam akan menyebabkan golongan pekak kurang berminat dan memahami pembelajaran PAFA dengan baik (Siti Muhibah Nor, 2010 & Huzairi Awang et. al., 2010). Perkara ini disokong oleh Zakarna et. al, (2013) mengatakan bahawa kebanyakan istilah-istilah agama tidak diperjelaskan dalam bahasa isyarat dan ini menyebabkan golongan pekak sukar memahami agama Islam. Bahasa isyarat yang berkaitan dengan agama Islam perlu diadakan supaya pemahaman dan minat golongan pekak terhadap pembelajaran agama Islam khususnya PAFA dapat dipertingkatkan (Siti Muhibah Nor, 2010; Hamdi Ishak et. al., 2010; & Mohd Huzairi Awang et. al., 2010). Oleh itu, istilah-istilah agama dalam BIM amat penting digunakan dalam pengajaran PAFA kepada golongan pekak.

Isu kedua ialah ketiadaan kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA. Hanya terdapat kurikulum pengajaran PAFA sahaja tetapi kurang sesuai digunakan untuk golongan pekak (Huzaire Awang et. al., 2010). Bagi mata pelajaran pendidikan Islam khsusnya PAFA murid-murid pekak Muslim mengikuti Kurikulum Pendidikan Islam sepetimana murid-murid tipikal Muslim yang lain di arus perdana (Hamdi Ishak, 2010). Namun, kurikulum yang digunakan kepada murid pekak adalah tidak sesuai (Hamdi Ishak, 2010). Murid-murid ini mempunyai kesukaran dalam menguasai dan memahami kurikulum serta sukanan pelajaran yang diberikan kerana kurikulum dan sukanan pelajaran yang digunakan turut digunakan oleh murid tipikal (Hamdi Ishak, et. al., 2010 & Mohd Huzaire Awang, et. al., 2010). Kesannya, masalah ini menyebabkan guru-guru tidak mengikut sepenuhnya sukanan di dalam kurikulum, mengubahsuai kurikulum dan sukanan mengikut kesesuaian murid, tidak mengajar tajuk-tajuk yang dianggap terlalu sukar dan sebagainya (Hamdi Ishak, 2010). Walaupun pengubahsuai dilakukan oleh guru tetapi pencapaian murid-murid pekak masih berada pada tahap yang lemah (Abdullah Yusof, 2002). Memandangkan pencapaian yang kurang memuaskan, Mohd Hanafi Mohd Yasin (2005) mencadangkan murid pekak perlu mempunyai kurikulum khas yang bersesuaian dalam mengajar mereka. Hal ini turut disokong oleh kajian Ross dan Pagano (2009) dan Berman, Gauthmann, Crespi, dan Liu (2011) yang mengkaji berkaitan pembangunan kurikulum untuk murid pekak mengatakan bahawa golongan ini perlu mempunyai kurikulum yang bersesuaian dengan mereka kerana bentuk atau cara pengajaran kepada golongan pekak tidak sama dengan golongan tipikal. Oleh itu, kurikulum yang bersesuaian perlu diadakan untuk mengajar PAFA kepada golongan pekak.

Setakat ini amat kurang kajian dilakukan terhadap reka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA. Walaupun terdapat kajian-kajian yang melibatkan masalah pembelajaran PAFA kepada golongan pekak, ketiadaan bahasa isyarat untuk

agama Islam khususnya pembelajaran PAFA kepada golongan pekak dan ketidaksesuaian kurikulum PAFA untuk golongan pekak tetapi apa yang didapati kurang ialah kajian yang melibatkan reka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA. Selain itu, walaupun terdapat modul MUFID-OKU yang dihasilkan oleh pihak USIM tetapi modul ini masih mempunyai kelemahan iaitu tidak menggunakan kesepakatan pakar dalam menghasilkannya dan mengandungi kesilapan bahasa isyarat yang tidak sesuaian digunakan dalam modul tersebut (Azhar Razali, Marzuki Ong Haji Maliki Ong & Mohd Farid Ramli, PRISMA).

Justeru, kajian yang dijalankan bertujuan untuk mereka bentuk suatu kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA yang menggunakan kesepakatan pakar BIM dan PAFA serta penggunaan bahasa isyarat agama yang betul dengan menjadikan buku bahasa isyarat Islam daripada Qatar sebagai rujukan utama. Kajian ini amat wajar dilakukan kerana dapat membantu golongan pekak dan tenaga pengajar yang mengajar PAFA kepada golongan pekak untuk mempelajari dan memahami PAFA dengan lebih baik dan berkesan. Di samping itu, kajian ini dapat memberi manfaat kepada Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Bahagian Pendidikan Khas (BPK), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan agama Islam negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) agar dapat menggunakan reka bentuk kurikulum ini di Institut Pendidikan Guru, sekolah pendidikan khas masalah pendengaran, dan kelas agama PAFA untuk Orang Kelainan Upaya (OKU) supaya dapat menjadi panduan serta bimbingan untuk mengajar golongan pekak.

## **Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk mereka bentuk kurikulum bahasa isyarat Malaysia (BIM) untuk golongan pekak bagi Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). Dalam mereka bentuk kurikulum, kajian ini telah mengenal pasti keperluan BIM dalam pengajaran PAFA kepada golongan pekak. BIM merupakan suatu bahasa dan bentuk komunikasi utama untuk golongan pekak. Dengan menggunakan BIM sebagai bentuk komunikasi akan meningkatkan lagi kefahaman golongan pekak untuk mempelajari PAFA dengan lebih baik dan berkesan. Pemilihan isyarat-isyarat BIM yang bersesuaian berkaitan dengan PAFA akan diambil dan menjadikan kamus *The Islamic Dictionary for the Deaf* dari Qatar sebagai rujukan utama dalam mereka bentuk kurikulum ini. Berdasarkan sorotan kajian mendapati kajian khusus mengenai penggunaan BIM sebagai bentuk bahasa komunikasi utama dalam pendidikan Islam khususnya fardhu ain sama ada di luar negara ataupun di dalam negara masih ditahap rendah. Oleh itu, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi kesan yang positif dalam pengajaran Fardhu ain kepada golongan pekak.

## **Objektif Kajian**

Antara objektif kajian ini ialah :

1. Mereka bentuk objektif kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA mengikut pandangan pakar.
2. Mereka bentuk isi kandungan kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA mengikut pandangan pakar.
3. Mereka bentuk aktiviti pembelajaran kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA mengikut pandangan pakar.
4. Mereka bentuk penilaian kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA mengikut pandangan pakar.

## **Soalan Kajian**

Antara soalan kajian ialah :

1. Apakah objektif kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA mengikut pandangan pakar ?
2. Apakah isi kandungan kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA mengikut pandangan pakar?
3. Apakah aktiviti pembelajaran kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA mengikut pandangan pakar ?
4. Apakah bentuk penilaian kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA mengikut pandangan pakar ?

## **Rasional Kajian**

Kajian reka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA dijalankan dengan rasional-rasional berikut :

Bahasa isyarat merupakan medium komunikasi utama kepada golongan pekak (Haung, 2012; Wilbur; 2013; Lougrhan, 2013; Lianna, 2013, Lieberman et. al., 2014; Dubot & Collet, 2014; Haung et. al., 2014). Oleh itu, dalam pengajaran PAFA perlulah menggunakan BIM sebagai bentuk komunikasi yang bersesuaian kepada golongan pekak. Golongan ini akan mudah lebih memahami sesuatu perkara dan pengajaran sekiranya menggunakan bahasa isyarat. Berdasarkan kajian-kajian dalam negara iaitu kajian Zulkifli Md Ali, Mohd Mokhtar Tahar, dan Mohd Hanafi Mohd Yasin, (2010); Abdullah Yusoff dan Che Rabiaah Mohamed, (2009); dan Shahrul Arba`iah Othman, (2001) serta kajian luar negara iaitu kajian Haung, (2012); Wilbur; (2013); Lougrhan, (2013); Lianna, 2013; Lieberman et. al., (2014); Dubot et. al., (2014); dan Haung et. al., (2014) membuktikan bahawa bahasa isyarat adalah merupakan suatu medium

komunikasi yang sangat penting kepada golongan pekak dan mereka dapat memahami sesuatu perkara dengan mudah dan berkesan dengan menggunakan bahasa isyarat.

Selain itu, pembelajaran PAFA sering menjadi kesukaran kepada golongan pekak untuk mempelajarinya kerana tiada kurikulum yang bersesuaian digunakan dalam pembelajaran PAFA. Perkara ini menyebabkan kebanyakan golongan pekak kurang berminat untuk mempelajari PAFA. Sorotan daripada kajian lepas iaitu kajian Mohd Mokhtar Tahar dan Aliza Alias, (2003); Mohd Huzairi Awang et, al (2010); Hamdi Ishak et. al., (2010); dan Siti Muhibah Nor, (2010) menunjukkan bahawa golongan pekak kurang berasa minat untuk mempelajari pendidikan Islam atau fardhu ain kerana tidak memahami isi pengajaran malahan penggunaan kurikulum yang digunakan kurang sesuai. Oleh itu, suatu kurikulum yang sesuai perlu di reka bentuk dengan mempelajari BIM untuk golongan pekak bagi PAFA kepada tenaga pengajar pekak dan golongan pekak supaya pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan baik.

### **Signifikan Kajian**

Kajian reka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA akan memberi panduan dan bimbingan kepada golongan pekak dan tenaga pengajar yang ingin mengajar kepada golongan pekak berkaitan PAFA. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan dan sangat bermafaat kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan agama setiap negeri dan badan-badan NGO yang berkaitan dengan golongan pekak dengan cara-cara berikut :

Pertama, kajian ini dapat memberi bukti mengenai kepentingan bahasa isyarat Malaysia dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran PAFA kepada golongan pekak. Data dari reka bentuk kurikulum yang dibentuk melalui kesepakatan pakar berpotensi memberi input kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan agama setiap negeri dan badan-badan

NGO yang berkaitan dengan golongan pekak. Kajian ini dapat memberi contoh yang baik bagaimana kurikulum BIM untuk PAFA bagi golongan pekak dapat membantu golongan pekak memahami dan mempelajari PAFA dengan baik. Selain itu, mereka dapat mengenali isyarat-isyarat agama Islam sesuai digunakan oleh golongan pekak. Kandungan dalam kurikulum ini boleh dimurnikan pada masa akan datang mengikut kesesuaian masa kini. Rujukan utama bahasa Isyarat adalah daripada kamus “*The Islamic Dictionary fo The Deaf*” menjadi panduan dalam memghasilkan kurikulum ini.

Kedua, kajian ini penting kepada ilmu bidang dalam bahasa isyarat terutamanya aspek bahasa isyarat Islam. Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengetahui isyarat-isyarat baharu dalam agama Islam dan boleh dikembangkan kepada golongan pekak serta golongan agamawan yang ingin mengajar golongan pekak berkaitan agama secara sistematis.

Ketiga, kurikulum ini boleh digunakan sebagai rujukan untuk memudahkan pengguna mengajar atau mempelajari bahasa isyarat berkaitan PAFA. Tajuk-tajuk di dalam kurikulum ini dibentuk melalui kesepakatan pakar BIM dan PAFA. Kurikulum ini merupakan suatu langkah permulaan bagi mempermudahkan golongan pekak lebih memahami PAFA dengan baik.

Justeru, kajian ini amat signifikan kerana dapat menghasilkan satu reka bentuk kruikulum yang mampu memberi panduan kepada pengguna dalam mengetahui isyarat dalam agama Islam khususnya yang berkaitan dengan PAFA dan memberi panduan kepada golongan pekak untuk memahami PAFA dengan lebih baik lagi.

## **Delimitasi Kajian**

Kajian ini bertujuan mereka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA. Tumpuan reka bentuk kurikulum adalah kepada golongan yang ingin mengajar golongan pekak berkaitan PAFA dan golongan pekak remaja serta dewasa yang berusia 12 tahun ke atas. Tumpuan reka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA adalah mengikut pendapat pakar BIM dan PAFA melalui teknik *Fuzzy Delphi* yang diubah suai.

## **Limitasi Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA. Justeru, kajian yang telah dijalankan berbentuk penyelidikan reka bentuk di mana penyelidik telah melihat proses reka reka bentuk pada masa yang sama.

Kesahan kajian ini bergantung kepada kerjasama yang akan diberi semasa teknik pungutan data menggunakan teknik Fuzzy Delphi yang merangkumi temu bual dan soal selidik kepada pakar dalam mereka bentuk kurikulum. Pakar-pakar berkenaan adalah daripada golongan pekak atau golongan tipikal yang berkemahiran dalam BIM dan PAFA.

## **Definisi Istilah**

Berikut adalah definisi untuk istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.

### **Kurikulum**

Kurikulum merupakan suatu pengalaman pembelajaran yang disediakan dalam bentuk rancangan pembelajaran (Norlidah Alias, 2010). Menurut Norlidah Alias et. al., (2014) kurikulum bukan sekadar satu label yang merujuk atau menjelaskan tentang satu entiti benda atau perbuatan tetapi merupakan suatu konsep yang telah melalui beberapa tahap transformasi dengan meninggalkan kesan-kesan dalam bentuk idea, model, dan tindakan-tindakan yang dijelmakan dalam projek-projek di sekolah dan di institusi pendidikan lainnya. Manakala di dalam kamus Dewan, (2005) kurikulum merupakan suatu skop atau isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sebuah sekolah atau institusi pendidikan. Selain itu, menurut Ahid, (2014) kurikulum dilihat sebagai suatu bahan iaitu melalui kegiatan berdasarkan pengalaman murid dan kepakaran guru dalam merangka dan dihasilkan sebagai suatu dokumen bertulis supaya dapat menjadi panduan untuk mencapai matlamat pengajaran. Bagi kajian ini, kurikulum yang dimaksudkan ialah kurikulum dalam pembelajaran BIM untuk golongan pekak bagi PAFA.

### **Bahasa Isyarat Malaysia**

Bahasa isyarat merupakan suatu bahasa yang tidak melibatkan verbal (Moores, 1996; Haung, 2012; Wilbur, 2013; Lougrhan, 2013; Lianna, 2013; Lieberman et. al., 2014; Dubot et. al., 2014; dan Haung et. al., 2014). Menurut Wilbur (2013), bahasa isyarat merupakan bahasa yang menggunakan komunikasi manual yang melibatkan pergerakan simbol tangan, bahasa badan dan ekspresi muka. Selain itu, bahasa isyarat merupakan suatu non verbal komunikasi yang tidak melibatkan pertuturan sebaliknya menggunakan pergerakan simbol pada tangan, ekspresi muka dan bahasa badan dalam

menyampaikan sesuatu maklumat (Enns & Herman 2014). Bahasa isyarat juga, mempunyai tatabahasanya yang tersendiri dan pembentukan bahasa isyarat itu dibentuk mengikut keadaan persekitaran, amalan dan budaya yang diamalkan (Loughran 2013). Di Malaysia bahasa isyarat di kenali sebagai Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) atau *Malaysia Sign Language* (MySL). Oleh itu, di dalam kajian ini telah menggunakan BIM di dalam reka bentuk kurikulum ini.

### **Perkara Asas Fardhu Ain**

Perkara asas yang wajib diketahui sebagai seseorang yang mengakui dirinya sebagai seorang Islam. Menurut Ismail Kamus et. al. (2009), mempelajari fardhu ain adalah merupakan suatu kewajipan ke atas semua orang sama ada lelaki mahupun perempuan yang beragama Islam. Masa mempelajarinya pula ialah dari buaian hingga ke liang lahad (Ismail Kamus et. al. 2009). Apabila telah memiliki ilmu fardhu ain perlulah diamalkan kerana merupakan suatu amalan syariat (Ismail Kamus et. al., 2009). Oleh itu, PAFA untuk kajian ini adalah untuk mereka bentuk suatu kurikulum BIM untuk golongan pekak bagi PAFA

### **Golongan Pekak**

Istilah golongan pekak adalah mereka yang menghadapi kesukaran mendengar atau kekurangan pendengaran yang jelas (Helen Bee 1995, dalam Safani Bari, 2006). Seterusnya wujud juga definisi dari sudut bahasa. Asmah (1986, dalam Safani Bari, 2006) menyatakan bahawa golongan pekak ialah individu yang dilahirkan dengan kecacatan pada deria pendengaran yang menyebabkan mereka yang tidak dapat mengenal bunyi bahasa dan tidak dapat mendengar dan menghayati pemikiran serta budaya melalui bahasa.

## **Golongan Tipikal**

Menurut kamus dewan (2005) golongan tipikal merupakan golongan yang biasa, lazim atau normal. Manakala dalam istilah pendidikan khas golongan tipikal merupakan golongan yang tidak mempunyai masalah atau kecacatan anggota tubuh badan, pendengaran, penglihatan, dan masalah mental (Hamdi Ishak, 2010).

